

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 16.6.2015

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan alasan kukuh mengenai pemecatan seorang guru Mohd Nur Izzat Johari yang dikatakan mengkritik pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mohd Nur Izzat Johari adalah seorang penjawat awam yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Sebagai seseorang penjawat awam yang telah dilantik **HENDAKLAH** mematuhi peraturan dan proseduar perkhidmatan awam yang telah ditetapkan. Sekiranya seseorang penjawat awam telah didapati melanggar peraturan yang ditetapkan, mereka boleh dikenakan tindakan sehingga dibuang kerja. Ini jelas dinyatakan **di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**. Prosedur penamatan perkhidmatan seseorang penjawat awam dilakukan dengan ketat dan teratur selaras dengan peraturan-peraturan yang telah dan sedang berkuatkuasa dan **HANYA** mereka yang **TERBUKTI BERSALAH** sahaja akan dikenakan tindakan.